



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA



KRAFTANGAN
MALAYSIA

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT | KRAFTANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR | JALAN CONLAY | 50450 KUALA LUMPUR
TEL : 03 - 2162 7459 | FAKS : 03 - 2161 3773 | www.kraftangan.gov.my | KRAFTANGAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

FESTIVAL KRAF UTARA 2023 MERANCAKKAN RANTAIAN SEKTOR PELANCONGAN PERLIS

KANGAR, 23 SEPTEMBER 2023 – Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) menganjurkan Festival Kraf Utara (FKU) 2023 bermula dari 22 September hingga 1 Oktober 2023 dari pukul 10.00 pagi hingga 10.00 malam di Perkarangan Pejabat Kraftangan Malaysia Cawangan Perlis. Majlis perasmian hari ini disempurnakan oleh YBhg. Dato' Roslan Tan Sri Abdul Rahman, Ketua Setiausaha MOTAC. Hadir sama ialah Puan `Ainu Sham binti Haji Ramli, Ketua Pengarah, Kraftangan Malaysia.

Festival Kraf Utara (FKU) 2023 merupakan penganjuran julung kali diadakan di negeri Perlis yang juga melibatkan penyertaan Kraftangan Malaysia cawangan Kedah, Langkawi, Pulau Pinang dan Perak.

Tujuan FKU 2023 diadakan untuk mempromosi dan mengkomersialkan produk kraf tempatan kepada penduduk setempat dan pelancong. Dengan bertemakan 'Ini Kraf Malaysia', FKU 2023 menampilkan kepelbagaian produk kraf Malaysia yang terdapat di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak untuk menyuntik pengetahuan, kesedaran dan kecintaan masyarakat terhadap produk kraf Malaysia selari dengan konsep FKU 2023 iaitu 'Membudayakan Seni Kraf Malaysia' dalam kehidupan masyarakat seharian.

Dalam majlis ini, satu majlis penyampaian sijil penyertaan kepada 11 orang peserta Makmal Pembangunan dan Pengeluaran Produk Kraf Batik tanah liat di bawah Projek Pembangunan Kemahiran Komuniti (PPKK) Kangar, Perlis Fasa 2. Makmal ini telah diadakan dari 18 hingga 20 September 2023 bertempat di Dewan Kayang, Kraftangan Malaysia Cawangan Perlis. Selain itu, majlis penyampaian sijil penghargaan dan Kit Cakna Kraf juga disampaikan kepada 3 buah sekolah serta sijil penghargaan kepada 12 rakan strategik FKU 2023.

Penganjuran FKU 2023 yang berlangsung selama 10 hari ini melibatkan 60 orang usahawan dengan sasaran nilai jualan RM400 ribu dan 15,000 orang kehadiran

pengunjung. FKU 2023 menyajikan pelbagai aktiviti menarik kepada pengunjung seperti:

- Jualan Kraf
- Demonstrasi Kraf
- Interaktif Kraf
- Pameran Produk Kraf Baharu
- Pameran Jom Masuk IKN
- Persembahan Kebudayaan
- Aktiviti Galakan Pengunjung
 - Cakna Kraf Mewarna Batik
 - Pertandingan Kraf
 - Pertandingan dan Permainan Sukan Rakyat
 - Ceramah Maulidur Rasul
 - Zumba Kraf Utara
 - Sesi Santai Bersama Influencer Duta Perlis
 - Lawatan Berpandu Berkumpulan
 - Kuiz & Cabutan Bertuah
 - 'Outreach' JPJ Perlis Bersama Komuniti & Program Derma Darah
 - Jualan & Demonstrasi Masakan Utara

MOTAC dan Kraftangan Malaysia berharap penganjuran FKU 2023 ini dapat merancakkan ekonomi usahawan dan komuniti kraf serta sekali gus memberi limpahan manfaat secara langsung kepada rangkaian nilai sektor pelancongan negeri Perlis.

- TAMAT -